

Panduan Perkhidmatan untuk Takaful Keluarga

Apakah perkhidmatan (yang berkenaan) yang anda harapkan dari Wakil Bank kami?

Jika anda ingin menyertai produk Takaful yang dipasarkan oleh Wakil Bank kami, anda boleh menikmati perkhidmatan tambahan seperti berikut:

1. Sebelum anda menyertai pelan Takaful

Membantu anda dalam memilih pelan Takaful yang sesuai

- Menerangkan kepada anda secara terperinci kandungan borang Pencarian Fakta Pelanggan untuk memahami keperluan serta matlamat kewangan anda.
- Mengesyorkan pelan Takaful yang sesuai selepas menilai keperluan anda.

Menerangkan ciri-ciri produk

- Menerangkan ciri-ciri produk, manfaat-manfaat yang boleh dibayar, pengecualian, sumbangan serta caj-caj yang terlibat.
- Menyediakan Helaian Pendedahan Produk, Ilustrasi Jualan atau Helaian Fakta Dana (jika ada) untuk membantu anda dalam membuat keputusan yang tepat serta memudahkan perbandingan produk.

2. Apabila anda membuat keputusan untuk menyertai pelan Takaful

Membantu anda dalam melengkapkan permohonan Takaful

- Menerangkan kepentingan untuk anda menjawab soalan-soalan di dalam borang permohonan dengan lengkap dan tepat.
- Menghantar permohonan anda untuk proses pengunderaitan selepas anda menandatangani borang cadangan.
- Membuat pemeriksaan kesihatan dengan salah satu panel klinik kami sekiranya diperlukan.
- Memberi maklumat mengenai proses penamaan dan/atau sumbangan hibah untuk memastikan manfaat-manfaat yang perlu dibayar akan diterima oleh penama atau waris anda sekiranya berlaku kematian.

Menerangkan terma-terma dan syarat-syarat polisi

- Menerangkan kepada anda terma-terma dan syarat-syarat polisi seperti yang dinyatakan dalam senarai dokumen berikut bagi memastikan bahawa anda telah menyertai pelan Takaful yang tepat:
 - Lampiran Keterangan Produk
 - Ilustrasi Jualan
- Polisi Takaful anda akan diposkan kepada anda dalam masa 14 hari, selepas polisi anda bermula.

3. Semasa tempoh pelan Takaful

Perkhidmatan polisi berterusan

- Membantu anda untuk menghantar kepada Prudential BSN Takaful Berhad sebarang permintaan perkhidmatan seperti pengubahsuaian polisi, pertukaran alamat dan kekerapan sumbangan.

Membantu anda dalam membuat tuntutan

- Membantu anda untuk menghantar borang tuntutan serta dokumen-dokumen kepada Prudential BSN Takaful Berhad.

Selain di atas, sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan Prudential BSN Takaful Berhad di talian 03-20537188 atau kunjungi mana-mana cawangan yang berdekatan dan mudah untuk anda.

Portal pelanggan untuk pelan Takaful anda

Sila layari portal pelanggan Prudential BSN Takaful Berhad di app.prubsn.com.my/PruBSNTouch untuk mengakses maklumat polisi Takaful anda secara online.